Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001344
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1344

Penerimaan Penduduk Sekitar Terhadap Pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park

(Residents' Acceptance of the Development of Borneo Samariang Resort Water Theme Park)

Shaik Azahar Shaik Hussain[1], Mohd Irfan Hazrain Kamuruddin[2*], Hendryson Francisco Anna[3]

[1]Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: shazahar@unimas.my
[2]Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: mohdirfanhazrain@gmail.com
[3]Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Jln Datuk Mohammad Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: sonrieyson@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Irfan Hazrain Kamuruddin (mohdirfanhazrain@gmail.com)

KATA KUNCI:
Taman Tema Air
Penerimaan
Pembangunan
Tarikan

KEYWORDS:
Water Theme Park
Acceptance
Development
Attraction

CITATION:
Shaik Azahar Shaik Hussain, Mohd Irfan Hazrain Kamuruddin, & Hendryson Francisco Anna. (2022). Penerimaan Penduduk Sekitar Terhadap Pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001344. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1344

ABSTRAK

Taman Tema Air Borneo Samariang merupakan taman tema air yang pertama diwujudkan di kepulauan Borneo yang terletak di Sarawak. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui penerimaan penduduk Samariang terhadap penubuhan taman tema Borneo Samariang serta reaksi kedatangan penduduk Samariang terhadap taman tema tersebut. Seterusnya, menganalisis kesan penubuhan taman tema ini terhadap persekitaran Bandar Samariang. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mendapatkan data dan maklumat sepanjang menjalankan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa penduduk Samariang menerima pembaharuan yang telah dibawa ke kawasan kediaman mereka.

ABSTRACT

Borneo Samariang Water Theme Park is the first water theme park to be established on the Borneo Islands located in Sarawak. This study was conducted to find out the Samariang residents' acceptance of the establishment of the Borneo Samariang theme park as well as the reaction of the Samariang residents to the theme park. Next, analyze the impact of setting up this theme park on the Samariang City environment. This study uses quantitative methods in obtaining data and information throughout the study. The results show that Samariang residents are accepting the reforms that have been brought to their residential areas.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai pembangunan taman tema dan juga kesan pelancongan terhadap taman tema tersebut.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sumbangan utama kajian ini mendapati bahawa penerimaan masyarakat Samariang menunjukkan kesan positif terhadap pembangunan Borneo Samariang Water Theme Park.

1. Pengenalan

Mark (1981), menyatakan aktiviti rekreasi bukanlah sesuatu perkara yang baharu sahaja diwujudkan dalam kehidupan sosial manusia. Aktiviti seperti ini, merupakan langkah yang terbaik untuk setiap individu mengisi masa lapang mereka dari segi menghilangkan ketegangan selepas waktu bekerja, dengan cara mengambil pendekatan melakukan aktiviti yang membawa kepada situasi yang merehatkan dan pemulihan tenaga. Faktor seperti masa, cita rasa serta kepuasan hasil daripada aktiviti rekreasi sudah pasti memberi ruang kepada individu untuk memilih corak rekreasi yang mereka inginkan bagi memenuhi masa lapang setelah selesai tugasan seharian yang sememangnya memenatkan individu tersebut.

Kyriazi (1976), pada tahun 1800 iaitu ketika zaman peralihan, taman tema dikenali sebagai salah satu hiburan di taman pada waktu hujung minggu, mendengar muzik, berkelah dan minum minuman yang beralkohol seperti bir atau minuman jenis berkarbonat. Seiringan dengan perkembangan teknologi serta dunia digital, taman tema semakin berkembang sehinggalah berjaya mencuri tumpuan syarikat taman tema yang lain untuk dibangunkan di setiap negara sebagai satu tarikan baharu di pusat hiburan dan pada masa yang sama sebagai instrumen pemantapan ekonomipelancongan negara. Pada masa yang sama, penerimaan masyarakat terhadap pembangunan taman tema juga menunjukkan kesan yang positif seperti fenomena yang berlaku di Malaysia. Buktinya, terdapat taman tema pertama yang dibuka pada tahun 1975 iaitu taman tema *Mimaland* di Gombak, Selangor namun dalam tempoh beberapa tahun kewujudannya berlaku kecuaian yang mendorong kepada kegagalan taman tema ini untuk diteruskan. Menurut Arkib Negara (1971), perkara ini berpunca daripada kegagalan aspek keselamatan ketika proses penjagaannya lalu menyumbang kepada taman tema tersebut akhirnya ditutup serta-merta. Kejadian ini berlaku disebabkan faktor kegagalan pihak pemaju dalam mematuhi Garis Panduan Taman Tema Malaysia yang telah ditetapkan untuk kebaikan operasi mereka.

Pengkaji yakin dengan mengetahui penerimaan penduduk sekitar terhadap pembangunan Borneo Samariang Resort Water Theme Park, kita mampu menambahbaikkan dan mengembangkan industri pelancongan yang berbentuk taman tema air di Malaysia. Oleh itu, pengkaji memilih Borneo Samariang sebagai tumpuan utama lokasi kajian seiring dengan faktor bandar ini sedang membangun di Sarawak yang mempunyai kekuatan dalam dijadikan tumpuan masyarakat dan syarikat-syarikat pemaju.

1.1. Objektif Kajian

i. Untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema Borneo Samariang.
ii. Untuk mengkaji penerimaan penduduk Samariang selepas pembukaan taman tema Borneo Samariang.
iii. Untuk menganalisis kesan taman tema Borneo Samariang ke atas persekitaranBandar Samariang.


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Sorotan Kesusasteraan

2.1. Definisi Penerimaan

Menurut Williams dan Lynn (2010), terdapat 5 ciri khusus penerimaan iaitu; (a) ketidakhadiran (b) tidak mengelak (c) tidak membantah (d) toleransi (e) kesanggupan. Kesemua ciri-ciri ini menjelaskan sikap penerimaan sesebuah masyarakat terhadap pembaharuan yang dibawa ke kawasan mereka. Selain itu, pengkaji telah menggunakan model penerimaan daripada model *'Irridex'* Doxey (1975) untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi penerimaan penduduk sekitar di Samariang terhadap pembangunan sebuah kawasan pelancongan di kawasan penempatan mereka (Rajah 1).

Rajah 1: Model *'Irridex'* Doxey (1975) yang dialami oleh penduduk yangberhampiran dengan sesebuah kawasan pelancongan



Sepanjang menjalankan kajian ke atas tahap penerimaan penduduk sekitar terhadap pembangunan taman tema air Borneo Samariang ini, pengkaji telah menggunakan model *'Irridex'* Doxey (1975) untuk menilai reaksi penduduk sekitar terhadap pengunjung yang hadir ke taman tema air ini. Pada langkah pertama iaitu *Euphoria,* pengunjung yang hadir mendapat sambutan yang baik daripada penduduk di sekitar sesuatu kawasan pelancongan namun wujudnya perancangan di antara komuniti di sesuatu kawasan tersebut. Kedua *Apathy,* pengunjung yang datang diberikan hak untuk terus berkunjung pada masa yang sama hubungan di antara penduduk dan pengunjung menjadi lebih formal. Ketiga ialah *Annoyance*, melalui langkah ini penduduk mula merasai sifat ingin menolak kehadiran pengunjung untuk datang ke kawasan kediaman mereka, perkara ini cuma berlaku di dalam kalangan penduduk kawasan itu. Pada masa yang sama, pihak pengurusan kawasan pelancongan tidak mengendahkan pandangan penduduk asal dan pembangunan juga berlaku secara tidak terkawal sehingga menjejaskan keadaan asal persekitaran kawasan penempatan penduduk. Akhir sekali, perkara ini menyumbang kepada *Antagonism* di mana penduduk di sekitar kawasan tersebut mula menunjukkan perasaan memberontak untuk menentang pembangunan yang dijalankan dan secara langsung mengagalkan perusahaan pelancongan yang berdekatan dengan kawasan kediaman mereka.

2.2. Definisi Kesan Pelancongan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Bryman (2001), menyatakan kesan ataupun implikasi yang wujud akan bertindak sebagai fungsi di dalam proses perbandingan diantara hasil penelitian yang telah berlaku pada suatu ketika dahulu terhadap dapatan penelitian yang baharu dan juga sedang dilakukan. Menurut beliau lagi, kesan dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kesan secara teoritikal, kesan pengurusan, dan kesan metodologi.

Menurut Bruner (2005) pula, kesan merupakan bekas yang telah dibiarkan oleh sesuatu insiden tanpa mengira perkara tersebut meninggalkan keuntungan (positif) ataupun meninggalkan kerugian (negatif) hasil yang timbul daripada sesuatu kejadian atau kelakuan. Sehubungan itu, kesan turut diertikan sebagai penguasaan yang melibatkan pendapat, sikap, perwatakan dan lain-lain yang lahir hasil daripada saksi, pendengaran dan melalui pembacaan terhadap sesuatu perkara yang mampu mengundang ke arah kesan yang tampak serta dapat menyumbang kesejahteraan dan keselesaan mahupun positif ataupun negatif terhadap individu. Pembangunan yang dijalankan terhadap taman tema Samariang ini berkemungkinan besar mendatangkan kesan yang tersendiri terhadap kawasan persekitaran dan juga masyarakat sekitar.

Menurut Wall dan Wright (1977) pula, menyatakan terdapat sebarang kenyataan kesan terhadap kawasan persekitaran amatlah susah di lakukan. Perkara ini disebabkan oleh faktor, manusia sudah menetap dan telah mentransformasikan bentuk asal muka bumi sejak ratusan tahun dahulu lagi. Oleh itu, kesukaran dalam menggambarkan situasi alam persekitaran sebelum campur tangan manusia, maka berlakunya penetapan pada peringkat asas untuk mengukur perubahan yang telah berlaku. Bukan itu sahaja, masalah dalaman yang berlaku turut memisahkan peranan manusia yang timbul hasil daripada peranan ini juga mendorong kepada wujudnya sebuah kesulitan dalam mencapai perubahan berikut. Kesimpulannya, keadaan luluhawa serta hakisan tanah adalah proses alam yang bakal menjadi masalah besar yang berpunca daripada tindakan manusia yang tidak terkawal.

2.3. Definisi Pembangunan

Menurut Sharpley dan Telfer (2002), pembangunan di sini boleh merujuk kepada proses di mana masyarakat yang bergerak dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Pembangunan sebagai satu proses yang mempunyai skop yang luas dan penglibatan individu merupakan kunci dalam proses perubahan masyarakat. Pembangunan adalah istilah yang lebih sukar difahami untuk menentukan sama ada sesebuah pelancongan boleh dilihat sebagai satu proses ataupun keadaan.

Agénor (2010), membincangkan dalam teori pembangunan yang turut dipengaruhi oleh keadaan infrastruktur antaranya, kerajaan melakukan pelaburan dalam infrastruktur dengan sumber yang disediakan daripada hasil cukai terhadap sumber pendapatan. Penyataan 5 bagi teori pembangunan yang mempengaruhi infrastruktur, iaitu jika keseimbangan ekonomi adalah unik, satu pengagihan semula iaitu saham yang telah diperuntukkan akan disalurkan ke dalam bajet neutral besar terhadap sektor perbelanjaan kerajaan. Tujuannya adalah, untuk pelaburan infrastruktur yang jauh daripada perbelanjaan yang tidak produktif yang akan mengubah keadaan ekonomi kepada satu kedudukan di mana ia boleh mendapat manfaat daripada luaran yang berkaitan dengan modal awam.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.4. Definisi Taman Tema

Taman tema menurut Clave (2007), melalui buku '*Global Theme Park Industry*' diterbitkan sebagai tarikan pelawat pada umumnya. Tarikan pengunjung diterjemahkan sebagai sumber kekal yang direka bentuk, dikawal dan diurus bagi tujuan kenikmatan, keseronokan, hiburan, dan pendidikan untuk kepentingan kunjungan awam.

Seterusnya, Richard, Kaak dan Orlowski (2009) mendefinisikan taman tema adalah salah satu tempat hiburan yang turut menyediakan beberapa ciri tarikan sampingan untuk para pengunjung seperti permainan, tempat makanan, taman dan sebagainya.

Lancaster (1987), mentakrifkan taman tema sebagai suatu kawasan rekreasi yang mengandungi beberapa elemen dan aktiviti hiburan khusus berpandukan tema-tema tertentu yang berbentuk rekreasi pasif dan aktif. Penggunaan kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah berasaskan bayaran masuk secara *'flat-rate'* di mana pengguna boleh menikmati semua jenis hiburan-hiburan yang terdapat di taman tema berulang kali sepanjang hari dengan syarat tidak keluar dari kawasan tersebut.

Bagi pendapat McEniff (1993) pula, taman tema lebih cenderung kepada hiburan dan pengalaman fizikal yang disediakan dengan pelbagai aktiviti keseronokan yang berasaskan air dan sedikit kolaborasi dengan teknologi moden. Seperti mana yang terdapat di taman tema air Samariang, terdapat beberapa kelengkapan moden yang ditambah pada setiap permainan mahupun di kawasan persekitaran taman tema supaya kelihatan lebih moden lagi.

3. Metod Kajian

3.1. Kuantitatif

Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan jawapan yang lebih tepat daripada penduduk mengenai hasil penerimaan mereka terhadap pembangunan taman tema air Samariang. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 386 orang responden yang mendiami kawasan Samariang dan juga pengunjung yang berada di taman tema air Samariang pada ketika itu.

3.2. Data Sekunder

Sepanjang menjalankan kajian, pengkaji menggunakan data sekunder untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam kajian yang dijalankan. Antara data sekunder yang digunakan ialah bahan bacaan daripada internet, artikel, jurnal dan tesis

4. Dapatan Kajian


4.1. Faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema Borneo Samariang

Rajah 2 menunjukkan faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema air Borneo Samariang yang tertinggi. Hasil daripada pengedaran borang soal selidik, pengkaji mendapati daripada 386 responden sebanyak 37 responden sangat setuju dan 312 responden pula setuju secara langsung telah menunjukkan bahawa mereka akur dengan kesesuaian aktiviti di taman tema ini sesuai untuk semua peringkat umur.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).


Meskipun terdapat 9 orang kurang setuju dan seramai 28 orang tidak pasti namun, jumlah responden yang positif jauh lebih besar daripada negatif.

Rajah 2: Kesesuaian Aktiviti Untuk Semua Peringkat Umur



Rajah 3 menunjukkan faktor kedua yang tertinggi kehadiran pengunjung dipengaruhi oleh keadaan keindahan alam semula jadi yang terdapat di sekitar Samariang. Pengkaji mendapati daripada 386 responden, seramai 312 orang setuju bahawa selain permainan mereka juga datang kerana ingin melihat keindahan alam di sekitar Samariang manakala, 27 orang pula sangat setuju bahawa mereka hadir adalah disebabkan faktor keindahan alam semula jadi di Samariang. Namun, seramai 36 orang tidak pasti tentang hal ini dan 9 responden yang kurang setuju manakala, 2 orang sangat tidak setuju.

Rajah 3: Keindahan Alam Semula jadi di Sekitar Samariang




4.2. Penerimaan penduduk Samariang selepas pembukaan taman tema Borneo Samariang

Rajah 4 menunjukkan penerimaan penduduk Samariang terhadap pembukaan taman tema air Borneo Samariang. Hasil daripada kajian mendapati bahawa, seramai 307 responden yang kebanyakan mereka berasal daripada Samariang setuju dengan pembaharuan ini diikuti dengan 21 orang responden yang sangat setuju. Manakala, kajian juga mendapati bahawa, seramai 46 responden tidak pasti tentang hal ini dan 12 responden pula kurang setuju.


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 4: Penduduk Selesa Selepas Pembukaan Resort



Rajah 5 menunjukkan hasil penerimaan penduduk mengenai pembukaan taman tema air ini sebagai satu daya tarikan pelancong baharu di Samariang. Kajian mendapati daripada 386 orang responden yang telah mengisi borang soal selidik seramai 305 responden setuju bahawa taman tema air Borneo Samariang ini sesuai sebagai tarikan pelancong dan sebanyak 65 orang pula sangat setuju. Seterusnya, terdapat juga responden yang tidak pasti terhadap perkara ini dengan jumlah 14 orang dan selebihnya kurang setuju dengan bilangan 2 orang.

Rajah 5: Sebagai Satu Daya Tarikan Pelancong




4.3. Kesan taman tema Borneo Samariang ke atas persekitaran Bandar Samariang

Rajah 6 menunjukkan penerimaan penduduk Samariang selepas pembangunan taman tema air ini sama ada menyumbang kepada kekerapan berlakunya banjir. Hasil dapatan kajian menunjukkan, jumlah tertinggi datang dari responden sangat tidak setuju dengan jumlah 253 orang dan kurang setuju sebanyak 30 orang. Manakala, seramai 78 responden tidak pasti terhadap banjir akan berlaku hasil daripada pembangunan taman tema air ini. 21 responden tidak setuju dan akhir sekali 4 orang sahaja sangat tidak setuju berkenaan musibah banjir akan berlaku hasil daripada pembangunan taman tema air ini.


© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 6: Kekerapan Banjir Di Sekitar Bandar Samariang



Rajah 7 menunjukkan penerimaan penduduk terhadap pembangunan taman tema air Borneo Samariang ini mampu menambah bilangan infrastruktur di sekitar kawasan Samariang. Jumlah yang tertinggi dapat dilihat daripada responden yang menjawab setuju dengan bilangan 324 diikuti 36 orang yang menjawab sangat setuju. Seterusnya, 18 responden tidak pasti tentang hal ini. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa rata-rata penduduk di Samariang mempunyai penerimaan yang positif bahawa wujudnya taman tema ini infrastruktur di sekitar kawasan Samariang akan bertambah.

Rajah 7: Infrastruktur Di Sekitar Kawasan Samariang Bertambah



5. Perbincangan

5.1. Faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema Borneo Samariang

Berdasarkan Jadual 1, soalan telah dirangka berdasarkan objektif pertama kajian untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema air Borneo Samariang. Kajian mendapati bahawa, jumlah tertinggi seramai 374 responden datang kerana faktor mereka ingin membawa keluarga bersiar-siar di hujung minggu. Kedua, faktor sekadar mengisi masa lapang dengan jumlah responden sebanyak 371 orang. Ketiga, kehadiran pengunjung juga disebabkan oleh faktor terdapat permainan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kanak-kanak dengan jumlah responden sebanyak 367. Berikutnya, faktor tempat menjalankan aktiviti bersama keluarga adalah sesuai juga menjadi punca bahwa pengunjung hadir ke taman tema air ini adalah disebabkan oleh faktor tersebut. Bagi faktor kesesuaian aktiviti untuk semua peringkat umur juga menunjukkan tarikan pengunjung turut hadir dengan jumlah 349 responden mengatakan ya. Akhir sekali, faktor harga tiket yang dikenakan oleh pihak Borneo Samariang menunjukkan nilai respon positif yang paling sedikit dengan jumlah 77 responden memilih pada pilihan jawapan.

Jadual 1: Faktor yang mempengaruhi kehadiran pengunjung ke taman tema airBorneo Samariang

Faktor kehadiran pengunjung ke taman tema air Borneo Samariang	**Jumlah responden yang memberi respon berbentuk positif**
Membawa keluarga bersiar-siar di hujung minggu	374
Sekadar mengisi masa lapang	371
Terdapat permainan kanak-kanak	367
Tempat menjalankan aktiviti bersama keluarga adalahsesuai	369
Aktiviti yang menarik ditawarkan di taman tema airBorneo Samariang Resort	366
Kesesuaian aktiviti untuk semua peringkat umur	349
Pihak Borneo Samariang menjamin keselamatan pengunjung	348
Keindahan alam semulajadi yang indah di sekitarSamariang	339
Permainan kanak-kanak bersesuaian dengan tamantema	112
Suasana taman tema yang menyeronokkan	106
Promosi yang dijalankan oleh pihak Borneo Samariang Resort	102
Sistem pembelian tiket yang mudah dilakukan	94
Berpuas hati dengan harga tiket yang dikenakan	77

5.2. Penerimaan penduduk Samariang selepas pembukaan taman tema Borneo Samariang.

Berdasarkan Jadual 2, kajian mendapati bahawa penerimaan penduduk Samariang selepas pembentukan taman tema air Borneo Samariang menunjukkan penduduk selesa selepas pembukaan Resort sebanyak 307 respons setuju diikuti 21 respons sangat setuju. Penduduk juga bertanggapan bahawa ia mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dengan jumlah 295 sangat setuju diikuti 76 respons setuju. Seterusnya, bagi pencemaran bunyi, air, udara dan tanah masing-masing menunjukkan respons tidak pasti yang tinggi iaitu, 312, 63, 58 dan 62 jumlah responden yang bertanggapan sedemikian. Seramai 280 responden memberi reaksi tidak pasti terhadap pendapatan penduduk setempat meningkat selepas pembentukan taman tema air Samariang. Penduduk juga bertanggapan bahawa wujudnya pembangunan taman tema air ini, kos sara hidup penduduk meningkat ekoran daripada kebanyakan perusahaan runcit di sekitar kawasan itu menginginkan keuntungan daripada pengunjung sehingga memberi kesan kepada penduduk di Samariang. Terdapat seramai 300 responden bertanggapan tidak pasti bahawa penduduk akan kehilangan hak pemilikan tanah setelah pembentukan taman tema Samariang. Seramai 308 responden bertanggapan tidak pasti bahawa konflik wujud di antara pemaju dan penduduk tempatan setelah pembentukan taman tema ini. Akhir sekali, seramai 305 responden bertanggapan bahawa pembentukan taman tema air Borneo Samaraing mampu dijadikan sebagai satu daya tarikan pelancong yang baharu.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Penerimaan penduduk Samariang selepas pembentukan taman tema air Borneo Samariang

Penerimaan penduduk Samariang selepas pembentukan taman tema air Borneo Samariang	Jumlah responden yang memberi respon				
	SS	S	TP	KS	STS
Penduduk selesa selepas pembukaan Resort	21	307	46	12	0
Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat	295	76	15	0	0
Peningkatan pencemaran bunyi	15	41	312	18	0
Pendapatan penduduk setempat meningkat	26	76	280	4	0
Masyarakat makin sensitif dengan perubahan sosial	263	41	66	15	1
Kos sara hidup penduduk meningkat	12	50	308	16	0
Penduduk akan kehilangan hak pemilikan tanah	15	43	300	22	6
Konflik wujud di antara pemaju dan penduduk tempatan	12	42	308	21	3
Masalah sosial akan meningkat	16	51	39	28	252
Sebagai satu daya tarikan pelancong	65	305	14	2	0
Penambahbaikan kualiti kehidupan masyarakat	33	73	28	252	0
Penduduk mahir berbahasa asing	16	54	45	21	250
Peningkatan pencemaran air	17	31	63	24	251
Peningkatan pencemaran udara	11	35	58	29	253
Peningkatan pencemaran tanah	15	30	62	26	253

5.3. Kesan taman tema Borneo Samariang ke atas persekitaran Bandar Samariang.

Jadual 3 menunjukkan kesan taman tema Borneo Samariang ke atas persekitaran Bandar Samariang. Menurut hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati seramai 256 responden kurang setuju terhadap perubahan bentuk fizikal kawasan sekitar. Perkara ini disebabkan oleh pembangunan dijalankan yang dijalankan tidak sampai ke kawasan Samariang yang lain. Seramai 62 responden pula, setuju dengan wujudnya pembangunan taman tema maka berlakunya perubahan bentuk fizikal tanah terutamanya kawasan yang berdekatan dengan taman tema air ini.

Jadual 3: Kesan taman tema air Borneo Samariang ke atas persekitaran Bandar Samariang

Kesan taman tema air Borneo Samariangke atas persekitaran Bandar Samariang.	Jumlah responden yang memberi respon.				
	SS	S	TP	KS	STS
Perubahan bentuk fizikal kawasansekitarnya.	25	62	43	256	0
Keselamatan kawasan Borneo Samariangmeningkat.	10	59	300	16	1
Kekerapan banjir di sekitar BandarSamariang.	4	21	78	30	253
Sebagai langkah pemodenan BandarSamariang.	298	67	17	3	1
Infrastruktur di sekitar kawasan Samariang bertambah.	36	324	18	7	1
Pertambahan penduduk.	21	62	46	6	251
Keadaan persekitaran Samariang yang bersih	19	59	41	264	3
Menarik minat pelabur untuk menambahpelaburan di Bandar Samariang.	31	318	33	4	0
Menggalakkan pembangunan yang mapan.	280	79	26	1	0
Kejadian tanah runtuh kerap berlaku.	6	25	74	27	254

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kedua, seramai 300 responden tidak pasti terhadap tahap keselamatan kawasan Borneo Samariang meningkat. Menurut responden, setakat ini jenayah di sekitar Samariang masih berlaku dan menunjukkan kewujudan taman tema ini tidak menjamin tahap keselamatan Bandar Samariang. Manakala, 59 responden setuju bahawa tahap keselamatan meningkat kerana berlakunya rondaan oleh pihak berkuasa pada setiap masa.

Ketiga, kekerapan banjir di sekitar bandar Samariang mendapat respons sangat tidak setuju tertinggi dengan jumlah 253 bermaksud perkara ini tidak mendatangkan kesan banjir terhadap Bandar Samariang. Diikuti jumlah 78 responden tidak pasti tentang hal ini. Namun, terdapat juga sebilangan kecil 4 responden mengatakan sangat setuju bahawa banjir kerap berlaku hasil daripada pembangunan Borneo Samariang.

Seterusnya, kesan penubuhan taman tema air Borneo Samariang terhadap persekitaran Bandar Samariang juga menjurus kepada langkah pemodenan Bandar Samariang yang mendapat jumlah respons sangat setuju yang tertinggi sebanyak 298 responden dan 67 responden yang memilih setuju dengan kesan ini.

Kesan yang berikutnya adalah infrastruktur di sekitar kawasan Samariang bertambah. Melalui soalan ini, pengkaji mendapati bahawa seramai 324 responden memilih setuju dan diikuti seramai 36 responden memilih sangat setuju dengan pembaharuan ini. Jelas di sini, kesan penubuhan taman tema air Borneo Samariang sememangnya memberi manfaat kepada penduduk sekitar Samariang.

Bagi kesan pertambahan penduduk pula, seramai 251 responden rasa sangat tidak setuju dan jauh lebih besar daripada jumlah responden yang menjawab sangat setuju iaitu cuma 21 responden.

Berdasarkan Jadual 3, keadaan persekitaran Samariang yang bersih tidak menunjukkan respons yang positif di mana rata-rata responden memilih kurang setuju dengan jumlah 264 respons. Perkara ini disebabkan, bilangan tong sampah tidak mencukupi yang sepatutnya disediakan oleh pihak berkuasa di setiap lokasi tumpuan di Samariang agar dapat memelihara kelestarian persekitaran Samariang.

Akhir sekali, penubuhan taman tema air Borneo Samariang juga mampu menggalakkan pembangunan yang mapan. Buktinya, hasil daripada kajian mendapati bahawa 280 responden sangat setuju dengan perkara ini diikuti seramai 79 responden yang setuju meskipun ada responden yang tidak pasti dengan jumlah 26 orang namun jumlah respons yang positif mencatat jumlah yang paling besar.

6. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam tentang taman tema air di Borneo Samariang yang merupakan taman tema air yang pertama di kepulauan Borneo. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa pembangunan taman tema air di Samariang masih berada dalam fasa pertama pembangunan kerana perkhidmatan yang ditawarkan masih terhad kepada pengunjung dan juga penduduk sekitar Samariang. Seterusnya, ia belum lagi mencapai tahap kepuasan yang maksimum kepada para pengunjung. Dari pandangan masyarakat yang menetap di sekitar Samariang pula, menunjukkan respons yang positif kerana mereka

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sememangnya masih lagi menginginkan pembangunan yang drastik dari mana-mana pihak yang boleh mengusahakan pembangunan di kawasan penempatan mereka.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan kajian yang dilakukan mengenai Borneo Samariang Resort Water Theme Park

Kewangan (*Funding*)

Kajian berkenaan Borneo Samariang Resort Water Theme Park ini tidak menerima sebarang tajaan mahupun bantuan kewangan dalam menjalankan kajian tersebut.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan.

Rujukan

Agénor, P. (2010). *A theory of social norms, women's time allocation, and gender inequality in the process of development, centre for growth and business cycle.* [Tesis yang tidak diterbit)]. Universiti Manchester, England.

Arkib Negara (1971). *Pembinaan Mimaland*. Kuala Lumpur, Malaysia. Dicapai daripada www.arkib.gov.my/web/guest/akta-pekeliling-peraturan

Bruner, E. M. (2005). *Culture on tour: ethnographic of travel*. Chicago: University of Chicago https://press.uchicago.edu/ucp/books/book/chicago/C/bo3641772.html

Bryman, A. (2001). *Social research methods*. Great Clarendon Street: Oxford University https://ktpu.kpi.ua/wp-content/uploads/2014/02/social-research-methods-alan-bryman.pdf

Clave, A. S. (2007). *The global theme park industry.* Cambridge, MA: CABI.

Doxey, G. V. (1975). A causation theory theory of visitor-resident irritants. *Travel and Tourism Association Sixth Annual Conference Proceedings, 6*(13), 195-98.

Kyriazi, G. (1976). *The great American amusement parks*. Secaucus, New Jersey: Citadel Press. ISBN-10: 0806505257

Lancaster, K. (1987). *Interacting with Babylon: fan performance in a media Universe*. Austin: University of Texas Press. https://www.amazon.co.uk/Interacting-Babylon-Performance-Media-Universe/dp/0292747225

Mark, M. (1981). *The community tourism guide*. London, UK: Earthscan Publications Ltd. https://doi.org/10.4324/9781315831039

McEniff, J. (1993). *Theme parks in Europe, EIU Travel and Tourism Analyst (5th ed.).* London: Economist Intelligence Unit.

Richard, B., Kaak, K., & Orlowski, M. (2009). Theme park tourism. *n The SAGE Internasional Encyclopedia of Travel and Tourism (pp. 1218-1221). New York, NY: Sage.*

Sharpley, R., & Telfer, D. J. (2002). *Tourism and development: concepts and issues.* Clevedon, US: Channel View Publications. https://www.worldcat.org/title/tourism-and-development-concepts-and-issues/oclc/464387611?referer=di&ht=edition

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Wall, G., & Wright, C. (1977). *The environment impact of outdoor recreation*. California: University of Waterloo.

Williams, J. C., & Lynn, S. J. (2010). Acceptance: an historical and conceptual review. *Journal on Imagination, Cognition and Personality, 30*(1), 5-56. https://doi.org/10.2190/IC.30.1.c

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).